

# 10KM CHALLENGE MPPLU

 [airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/5706-10km-challenge-mpplu](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/5706-10km-challenge-mpplu)

**SENDAYAN, 6 DIS 19** – Markas Pemerintahan Pendidikan dan Latihan Udara (MPPLU) telah melaksanakan 10km RMAF Challenge Siri 2/19 mengikut kategori umur melibatkan pegawai dan anggota Markas.

Program kecergasan yang diwajibkan kepada semua peringkat pegawai dan anggota TUDM ini bertujuan untuk memupuk gaya hidup sihat bagi menjamin kecergasan dan kelangsungan badan berada pada tahap yang ditetapkan oleh perkhidmatan.

Pelepasan peserta telah disempurnakan oleh Ketua Staf Markas, Brig Jen Dato' Hj Sanusi bin Hj Samion TUDM diiringi oleh Pengarah Kurikulum Markas, Kol Thamilanty a/l Periasamy TUDM.

